

**Book Review**

**การวิพากษ์หนังสือ**

*Hukum Islam Tentang Fasakh Perkahwinan*

*Kerana Ketidak-mampuan Suami Menunaikan Kewajipannya*

**ผู้เขียน** :Dra Firdaweri

**ผู้วิพากษ์** :Maya Yusoh\*, Zakariya Hama\*\*

\*นักศึกษาระดับปริญญาโท สาขาวิชาชีรีอะอุ (กฎหมายอิสลาม) คณะอสิกรรมศึกษา มหาวิทยาลัยอิสลามยะลา

\*\*Ph.D. (in Law), อาจารย์ประจำสาขาวิชาชีรีอะอุ (กฎหมายอิสลาม) คณะอิสลามศึกษา มหาวิทยาลัยอิสลามยะลา



Buku yang bertajuk "Hukum Islam Tentang Fasakh Perkahwinan Kerana ketidakmampuan Suami menunaikan Kewajipan" adalah satu rujukan yang boleh dibaca supaya para-para pennutut-pennutut umum boleh dapati ilmu tentang kehidupan rumah tangga termasuk mempelajari dan mengetahui hak dan kewajipan suami isteri yang harus dilaksanakan semasa berkahwin, pendapat ulama berkenaan dengan fasakh perkahwinan kerana ketidakmampuan suami memberinafkah dan kerana suami impotent.

Cara penyusunan buku ini adalah terdahagi kepada 5 bab yang akan diterangkan satu persatu:

Penulisan Bab 1 mengandungi pendahuluan dan permasalahan yang membawa kepada karang buku bertajuk fasakh perkahwinan. Firdaweri mengatakan bahawa hak dan kewajipan suami isteri itu mempunyai peranan yang penting dalam rumah tangga. Apabila masing-masing pihak tidak dapat saling manjaga dan memeliharanya maka dapat ditunggu saat kehancurannya. Firdaweri hak dan kewajipan kepada 2 jenis iaitu 1) Hak dan kewajipan suami teradap isteri dan 2) Hak dan kewajipan isteri terhadap suaminya.

Dalam bab ini juga Firdaweri mendatangkan dua masalah yang berkaitan dengan ketidak mampuan suami dalam menunaikan haknya. Masalah yang dikehendaki di sini ialah: 1) Suami tidak sanggup memberinafkah isterinya, seperti belanjaan sehari-hari, pakaian dan sebagainya. 2) Suami mempunyai suatu penyakit yang tidak boleh bergaul dengan isterinya dengan secara normal, atau dinamakan suami impotent. Yang mana kedua masalah ini merupakan sebahagian kewajipan suami zahir dan batin. Maka

apabila timbul masalah ini ramai isteri-isteri di Indonesia dating mengadu kepada pengadilan agama untuk menyelesaikan perkaryanya melalui fasakh. Adakah harus menjalankan fasakh perkahwinan oleh hakim dengan dua sebab tadi? Lalu itu Firdaweri ingin menerangkan pasal ini kepada umat Islam dengan mulai menulis sebuah buku ini.

Skop pembahasan yang dibentang oleh Firdaweri dalam buku ini ialah membahas sebahagian kewajipan suami yang tidak sanggup tunaikanya terhadap isteri kerana banyak isteri-isteri yang mengatakan:

- a. suami tidak member nafkah
- b. suami impotent

Penulisan Bab 2 mengandungi bahasan tentang hak dan kewajipan suami isteri. Hak adalah sesuatu yang merupakan milik atau dapat dimiliki oleh suami atau isteri yang diperolehnya dari hasil perkahwinan. Adapun kewajipan berate sesuatu yang wajib dimalkan atau dilakukan

2.1 Adapun hak dan kewajipan suami terhadap isterinya ada dua macam yang pertama kewajipan yang bersifat materil dan yang kedua kewajipan yang bersifat immateriil. Bagi kewajipan yang bersifat materil ialah kewajipan zahir atau kewajipan yang merupakan harta benda, termasuk kedalamnya mahar dan nafkah. Mahar adalah merupakan hak isteri yang menjadi milik penuhnya dan tidak seorang pun yang boleh menghalang-halangi nilai dan berbentuk jasa. Adapun nafkah kerana perhubungan perkahwinan terbahagi kepada makanan isteri, pakaian isteri dan tempat tinggal isteri.

Islam menetapkan aturan-aturan perkawinan disamping menetapkan kewajipan

suami yang berupa benda atau materiil, juga menetapkan yang bukan berupa benda, dia bersifat immaterial seperti bersenggama dengan isterinya, mengisijiwanya dengan ilmu pengetahuan, menanamkan rasa iman serta tagwa kepada Allah dan sebagainya. Rumahtangga tak akan dapat bahagia dengan cara memenuhi kewajipan zahir saja tanpa diiringi dengan kewajipan batin. Kewajipan batin itu diantaranya ialah:

1. Suami harus bergaul dengan isterinya dengan cara yang baik.

2. Suami wajib bersenggama dengan isterinya.

3. Suami wajib menjaga dan memelihara isterinya.

4. Suami wajib berlaku adil diantara beberapa orang isteri jika ada lebih dari pada satu.

Disamping itu ada juga masalah yang harus dimiliki dan diketahui oleh suami diantaranya ialah:

a. Suami harus tabah dan bijaksana dalam menghadapi tindak tanduk isteri.

b. Suami berlaku sebagai pemimpin kaluarga.

c. Suami harus menyimpan rahsi rumahtangga, terutama sekali rahsia kamanrnya.

d. Suami harus tahu masalah haidh dan nifas isterinya.

2.2 Hak kewajipan isteri terhadap suamiya. Kewajipan-kewajipan isteri terhadap suami tidak ada yang berupa materiil. Dianataranya ialah.

a. Isteri harus patuh kepada suaminya.

b. Isteri harus mengetahui hasrat amanah suaminya.

c. Isteri mesti jujur memelihara amanah suaminya.

d. Isteri harus memelihara hubungan baik dengan keluarga suami dan karib kerabat suaminya.

e. Isteri harus sopan santun kepada suaminya.

f. Isteri harus bertanggung jawab mengurus dan mengatur runahtangga dengan sebaik-baiknya.

g. Isteri harus gambira.

Kadangan hubung antara suami isteri tidak dapat dipelihara dengan seera harmoni, kadang-kadang suami isteri itu gagal dalam mendirikan rumahtangganya kerana menemui beberapa masalah yang tidak diatasi. Adakala isteri dan adakala suami yang tidak menunaikan kewajipannya. Oleh itu Firdaweri ingin menerang tentang kemungkinan pembubaran perkahwinan dalam Islam maupun dari suami atau melalui hakim dalam bab yang mengeringinya.

Maka didalam Bab 3 pengarang kemukakan beberapa held an masalah yang berkaitan dengan fasakh perkahwinan. Apabila masalah dalam keluarga itu ada puncanya dari sisister oleh kerana ia meninggalkan kewajipan-kewajipannya, maka suami harus disuruh oleh Allah SWT untuk bertindak mengusahakan tugastugasnya. Kalau usaha pertama tidak berhasil, maka suami hendaklah berpisah tidur dengannya, tetapi masih berada dalam satu rumah. Kalau dalam hal kedua tadi masih belum hasil, maka sisuami diperolehkan memukul isterinya dengan cara yang baik, sekadar untuk memulihkan kesedarannya. Jikalau nusyuz itu terjadi dari pihak suami iaitu suami tidak menunaikan kewajipannya, al-

Qur'an member kepada isteri supaya terdapat kedamaian dan ketenangan yang dikehendaki, hendaklah isteri berusaha untuk menarik hati suaminya sekutu kuasanya, menurut cara-cara yang dapat memberikan ketenangan yang dibolehkan syari'at serta tidak menolak dan kesucian agama.

Apabila telah diusahakan yang seperti diatas tetapi berbantahan, perselisihan dan perpecahan terus memuncak, dan masing-masing suami isteri itu tetap berada dalam pendirian yang berbeza, pada waktu itu kewajipan kepada orang hakim (juru pendamai), seorang dari keluarga suami dan seorang dari keluarga isteri untuk menyelesaikan perbantahan antara suami isteri itu. Dan faedah diutus juru pendamai dari keluarga mereka adalah kerana keluarganya itu lebih mengetahui keadaan suami isteri tersebut yang sebenarnya.

Jika usaha kedua juru itu tidak juga berhasil, langkah yang harus ditempuh ialah tentu sahaja perkaranya diteruskan prosesnya di pengadilan. Dan hakim akan memeriksa selengkapnya. Apabila sisuami mau perkaranya diselesaikan dengan ikrar talaq, maka suami dapat menjatuhkan talaqnya. Kalau suami minta talaq tebus yang di kenalkan dengan istilah 'khulu', jika isteri mau, diselesaikan dengan demikian. Tetapi sebaliknya jika isteri tidak mau tidak sanggup membayar talaq tebus itu, sedangkan dia tetap juga minta cerai, yang mana suami tetap tidak mau menjatuhkan talaqnya hakim dapat memfasakhkan perkahwinannya dengan melalui proses, apabila hakim memandang telah pantas untuk di fasakhkan. Dalam bahasan yang mengikuti ini penulis akan bahas dengan secara terang dari

satu pihak sahaja, iaitu pihak suami yang tidak menunaikan kewajipannya, yang mengkibatkan isterinya tidak sesang, maka salah satu jalan bagi untuk memutuskan perkahwinan adalah dia berhak minta fasakh kepada hakim.

Apa makna fasakh perkahwinan? Mengikut istilah syar'I fasakh perkahwinan ialah membatalkan aqad perkahwinan dan memutuskan tali perhubungan yang mengikat antara suami isteri. Kalau mengikut sebab-sebab yang merusakkan perkahwinan, fasakh terbahagi kepada dua macam:

1) Fasakh yang berkehendak kepada keputusan hakim, harus melalui proses pengadilan apabila dapat sebab fasakh itu tersembunyi, tidak jelas, seperti fasakh kerana suami impotent, suami miskin dan sebagainya.

2) Fasakh yang tidak berkehendak kepada keputusan hakim, ialah waktu suami isteri mengetahui adanya sebab yang merusakkan perkahwinan, ketika itu mereka wajib memfasakhkan perkahwinannya, tanpa melalui proses pengadilan. Ini adalah apabila sebab fasakh itu jelas seperti apabila nyata suami isteri itu bahawa mereka saudara susuwan.

Firdaweri lebih fokuskan bahasa bahagian pertama dalam buku ini yang berkehendak kepada keputusan hakim, adalah boleh hakim memfasakhkan atau tidak jika lau dapat suami miskin sehingga dia tidak dapat menafkahi isterinya secara wajar. Seterusnya Firdaweri menerangkan alasan-alasan yang dapat diajukan isteri dalam menuntut fasakh kepada hakim. Dalam buku ini Firdaweri bagi contoh 5 alasan sahaja kerana sepatut dengan judul bukunya. Antara alas an-alasan yang

boleh diajukan oleh isteri untuk fasakh perkahwinan melalui hakim ialah apabila suami:

- a. mempunyai cacat atau penyakit.
- b. tidak mampu member nafkah.
- c. melakukan kekejaman.
- d. meninggalkan tempat kediaman bersama.
- e. dihukum penjara.

Di dalam Bab 4 Firdaweri mambahaskan tentang perbezaan pendapat ulama Tentang fasakh perkawinan dengan kerana ketidak mampuan suami memberi nafkah dan kerana suami impotent seperti di bawah ini.

a. Fasakh perkahwinan dengan kerana ketidak mampuan suami memberi nafkah.

Apabila suami tak sanggup memberi nafkah isterinya, tentu siisteri tidak Menerima haknya. Selama dia merelakannya ini tidak menjadi persoalan, tetapi

Sebaliknya kalau isteri itu tidak suka dengan keadaan suaminya seperti itu terdapat Berbezaan pendapat antara ulama fiqh, iaitu apakah isteri berhak menuntut fasakh Atau tidak, dan apakah hakim boleh memfasakhkan perkahwinannya atau tidak. Pendapat-pendapat tersebut sebagai berikut:

1) Mazhab Hanafi mengatakan kalau suami miskin, sehingga dia tidak sanggup menafkahi isterinya, Allah tidak mewajibkan membayar lebih dari Kesanggupannya. Oleh sebsb itu siisteri tidak berhak menuntut fasakh Perkahwinan, kalau isteri menuntut berarti dia memberati suaminya lebih Dari kesanggupannya. Mereka juga berpendapat nafkah itu tidak merupakan Imbalan senggama, dengan alasna bahawa apabila isteri menderita sakit yang lama yang mengakibatkan suaminya tidak dapat lakukan senggama

Dengannya, namun suami tetap juga wajib memberi nafkah isterinya, seperti itu pula kalau suami tidak sanggup menafkahi isterinya, siisteri tidak Boleh meminta fasakh.

2) Mazhab Maliki mengakapkan bahawa isteri dengan tidak sanggup menafkahi, berati menyusahkan isteri menyusahkan isterinya sediri. Oleh sebab itu boleh difasakhkan perkahwinannya. Mereka juga beralasan kepada nafkah itu merupakan imbalan bersenggama. Apabila dia tidak sanggup memberi nafkah, gugurlah hak bersenggama baginya, oleh sebab itu siisteri ada mempunyai hak pilihan antara cerai atau tetap bersama suaminya. Dan mereka juga mengiaskan kepada orang miliki budak, yang tidak sanggup dinafkahi, orang terebut wajib menjual budaknya itu, lebih-lebih lagi suami wajib menceraikan isterinya apabila dia tidak sanggup memberi nafkah.

3) Mazhab Syafi'i berpendapat bahawa siisteri mempunyai hak untuk menuntut fasakh perkahwinan kepada hakim apabila suaminya miskin atau tidak sanggup menafkahi dan hakim boleh memfasakhkan perkahwinannya.

4) Mazhab Haambali berpendapat apabila sisuami tidak sanggup manafkahi isterinya, siisteri boleh memilih antara bersabar atau bercerai, kalau dia memilih bercerai dengan sendirinya hakim harus menyelesaikan perkaranya. Pada saat itu hakim mempunyai hak pilih pula apakah yang akan difasakhkan atau disuruh suami mentalaqi isterinya. Mereka berpendapat bahawa menahan isteri dengan tidak sanggup menafkahi, adalah menahannya bukan dengan secara yang baik. Mazhab ini juga beralasan kepada kalau suami tidak sanggup bersetubuh hanya yang tidak terpenuhi hasrat seksualnya, sedangkan isteri

maswin suaminya masih dapat hidup tanpa demikian, tetapi isteri tidak dapat hidup tanpa ada nafkah.

5)Mazhab Zahiri menerangkan bahawa seseorang itu wajib member nafkah menurut kemampuannya, kalau dia tidak mampu berarti dia tidak wajib membayarnya. Meninggalkan sesuatu yang tidak wajib berate tidak berdosa. Dengan ini dapat diambil pengertian bahawa tidak boleh difasakhkan perkahwinannya kerana sisuami meninggalkan sesuatu yang tidak wajib.

Nampaknya apabila suami tidak sanggup member terjadi perbezaan pendapat ulama seperti yang telah sebut diatas. Bagi pendapat yang membolehkan, tentu semenjak dia merasa tidak senang, mulai saat itu dia sudah boleh mengajukan tuntutannya. Mengikut pendapat Firdaweri, masa sebelum dan selepas perkahwinan adalah penting dalam mengajukan fasakh perkahwinan oleh isteri. Jika sebelum berkahwin siwanita telah mengetahui keadaan calon suaminya miskin, dan apabila kahwin suaminya masih seperti itu atau bertambah iatuh miskin, sehingga dia tidak sanggup menafkahi isterinya, dalam keadaan ini isteri tak boleh menuntut fasakh, sebab seolah-olah isteri suka kepada suaminya walaupun miskin dan rela menerima segala risiko yang akan terjadi. Sebaliknya Kalau calon isteri tidak mengetahuinya sebelum Kahwin kerena waktu kahwin itu suami berpura-pura seorang yang mampu, tetapi ternyata setelah terlaksana aqad perkahwinan, terbukti dia seorang yang miskin yang tidak sanggup menafkahi isterinya, dalam keadaan sepertii ini berhak minta fasakh. Kalau sebelum kahwin calon isteri telah mengetahui keadaan suaminya, dan setelah menjalani masa berahtangga, mula-mula dia sanggup

menafkahi isterinya, kemudian si suami jatuh miskin, sehingga dia menjadi orang yang tidak mampu lagi untuk menafkahi isterinya. Dalam hal ini Firdaweri berpendapat supaya siisteri sabar dan menunggu untuk mengatasi masalah hidup mereka. Apabila dia telah memikirkan dengan pertimbangan yang masak untuk bercerai, baru hakim boleh memfasakhkan perkahwinannya.

b.Fasakh perkahwinan kerana suami impotent Menurut istilah syarak impotent ialah orang yang tidak sanggup bersenggama pada kemaluan isterinya menyebabkan isteri kurang menerima haknya. Selama iateri merelakannya itu tidak menjadi persoalan, tetapi bagi isteri yang tidak rela, dia akan menuntut haknya. Dalam hal ini dia harus melalui pengadilan. Masalah boleh atau tidaknya hakim memutuskan perkahwinan terdapat perbezaan pendapat ulama fiqh sebagai berikut:

1.Mazhab Hanafi menjelaskan bahawa hakim boleh memfasakhkan perkahwinan yang suami impotent kalau isteri yang memenuhi beberapa syarat tertentu iaitu merdeka , baligh tidak mempunyai cacat tertutup kemaluan dengan daging dan dengan tulung, isteri tidak mengetahui keadaan suaminya seperti itu sebelum perkahwinan, dan isteri tidak rela setelah dia mengetahuinya.

2.Mazhab Maliki mengumpamakan perkahwinan dengan jual beli. Apabila cacat terdapat pada barang yang dibeli. Sipembeli mempunyai hak pilih apakan dia akan terus membeli barang itu atau mengembalikannya kepada si penjual. Kalau dia memilih mengembalikan berarti jual belinya dibatalkan. Begitu pula dalam masalah perkahwinan, apabila sisuami impotent berarti dia cacat,

dengan demikian dapat mengakibatkan hak pilih bagi isteri, dan kalau dia memilih bercerai. Hakim dapat memfasahkan perkahwinannya.

3. Mazhab Syafi'I berpendapat dalam masalah suami impotent ini supaya isteri member tanggah suaminya yang impotent itu selama satu tahun. Jika dia berhasil atau sembuh, (tidak menjadi persoalan), tapi jika tidak maka isterinya boleh memilih antara tetap bersama suaminya atau bercerai. Isteri mempunyai hak untuk menuntut fasakh kepada hakim, dan hakim boleh memfasakhkan perkahwinannya dengan melalui proses dan terbukti keimpotenan suami itu.

4. Mazhab Hambali juga berpendapat bahwasanya apabila isteri impotent, isterinya berhak menuntut fasakh kepada hakim, dengan sendirinya hakim harus menyelesaikan perkaranya. Mazhab ini berdalil dengan apabila suami membayar mahar, isterinya wajib menyerahjan dirinya kepada suaminya, tetapi apabila dia tidak sanggup membayarnya, siisteri berhak menuntut fasakh kerana isteri menyerahkan diri itu sebagai pengganti dari mahar. Begitu pula kalau suami bercacat atau berpenyakit siisteri berhak pula meminta fasakh, kerana isteri menyerahkan diri itu adalah sebagai imbalan nafkah batinnya, sedangkan suami itu sendiri tidak sanggup membayarnya.

5. Mazhab Zhahiri berpendapat baik hakim atau orang lain tidak boleh memfasakhkan perkahwinan disebabkan suami tidak kuasa bersetubuh, yang mana suami impotent termasuk dalam masalah ini. Mazhab ini tidak mengiaskan perkahwinan kepada jual beli dalam masalah cacat ini, kerana kalau cacat terdapat dalam jual beli bias mengakibatkan jual beli dapat dibatalkan, tetapi

kalau cacat terdapat dalam perkahwinan, perkahwinan tersebut tidak boleh dibatalkan.

Penulisan Bab 5 adalah sebagai penutup buku ini yang mana penulis membuat beberapa kesimpulan dari apa yang dikemukakan berlalu.

Dalam penyusunan buku ini boleh dikatakan isi-isi yang berkaitan dengan tajuk "Hukum Islam Tentang Fasakh Perkahwinan" bahasa dan kalimah-kalimah yang diguna oleh penulis itu sangat mudah difaham dan dirujuki. Cara susunan menerangrang perbezaan diantara mazhab.

Adapun kekurangan yang ada pada penyusunan dalam buku ini seperti berikut:

1. Pembahasa yang dikemukakan ada banyak mengulang dalam yang sama. Terkadang ulangannya itu tidak penting dan boleh membuat pembaca rasa jemu sahaja.

2. Didapat juga dalam kebanyakkannya dalil-dalil yang dikemukakan oleh Firdaweri itu tiada sumber untuk dirujukkan. Dai tidak catat bahawa dalil-dalil yang dikemukakan terutamanya hadith berasal dari riwayat siapa dalam buku rujukan apa, apakah murtabat hadith itu, sahih, hasan, atau dhai? Ini adalah perkara yang penting dalam membahaskan apa-apa saja pasal agama lebih-lebih lagi dalam bahasa buku yang bertajuk dengan kalimah 'Hukum Islam'. Contohnya kehilangan rawi hadith pada hadith yang mengatakan impotent itu tidak dapat dijadikan alas an untuk minta fasakh halaman 100. Maka Firdaweri menambah soalan-sialan kepada pembaca-pembaca bukunya seperti: ini perkatan sipa? Dalam buku mana ada dalil ini? Adakah hadith ini Sahih? Dan sebagainya. Oleh itu, penulis memnbuat pembaca supaya merujukkan kepada buku lain yang berkenaan dengan pasal

fsakh perkahwinan untuk memgetahui bahawa dalil-dalil yang dikemukakan itu adalah kuat lebih-lebih lagi dalil dari hadith.

2.Bahawasanya ayat-ayat, hadith dan dalil yang dikemukakan oleh penulis itu banyak sangat sehingga terkaang tidak sepakat dengan apa yang sedang diterangkan sebelum itu. Apa lagi kalau dalil-dalil itu tidak ada sumber yang dibawa datang oleh penulis di dalam bukunya.

